# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 26 APRIL 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | MAJLIS PERASMIAN SEMARAK SYAWAL PERINGKAT KEBANGSAAN @ NEDAN NIAGA SATOK, SARAWAK, SIAKAP KELI -ONLINE<br>SIN CHEW DAILY -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 3. | 2,000 FLU-INFECTED PIGS MISSING FROM NEGRI FARMS, NEWS IN BRIEF, NST -16 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9. | 12 HELD, 2 FOREIGN FISHING BOATS SEIZED IN KELANTAN, NEWS IN BRIEF, NST -16<br>OP PAGAR LAUT PANTAU PENYELUDUP, NELAYAN ASING CEROBOH KELANTAN, NEGARA, KOSMO -4<br>MALAYSIA SHOULD RESTART THE AGRICULTURE BUTTON, NANYANG SIANG PAU -ONLINE<br>KARTEL AYAM DILINDUNGI, MUKA DEPAN, UM -1 & 2<br>KAMARUDDIN PUNCA PENGIKUT NAIK 300,000 - AZROY, GAYA PERTANIAN, UM -21<br>BERTARUNG LIMA TAHUN JUAL KAMBING SEBELUM 'GLAMOR', GAYA PERTANIAN, UM -22 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/4/2022 | SIAKAP KELI | ONLINE | |

# Majlis Perasmian Semarak Syawal Peringkat Kebangsaan @ Medan Niaga Satok, Sarawak



**KUCHING, 24 April 2022** –Semarak Syawal Peringkat Kebangsaan telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan hari ini di Medan Niaga Satok (MNS), Sarawak.

Kementerian Pertanian & Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membuka 797 outlet pemasaran di seluruh negara yang terdiri daripada Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Agrobazaar Rakyat (ABR), Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR), My Farm Outlet (MFO) dan Medan Niaga Satok (MNS).

Konsep outlet-outlet pemasaran ini adalah bertujuan bagi memberi peluang kepada usahawan untuk mengadakan jualan semasa musim sambutan Aidilfitri yang mendapat permintaan tinggi dari kalangan pengunjung dan para pengguna juga boleh mendapatkan barangan keperluan perayaan Aidilfitri di outlet fizikal dengan penjimatan pembelian terus dari pengeluar.



Selain barangan segar seperti daging, ayam dan sayur-sayuran, pengguna juga berpeluang untuk mendapatkan bekalan juadah Aidilfitri seperti ketupat, rendang, lemang dan kuih-kuih untuk keperluan Hari Raya Aidilfitri yang turut dijual di semua outlet pemasaran ini.

Dr Ronald berkata, MAFI melalui FAMA akan memastikan bekalan di setiap lokasi ini mencukupi dan para pengguna tidak perlu berasa khuatir untuk mendapatkan keperluan.

"MAFI memberi jaminan bekalan daging, ayam, sayur-sayuran dan kelapa mencukupi untuk sambutan Aidilfitri dan pengguna tidak akan menghadapi masalah mendapatkan barang keperluan itu memandangkan persediaan awal memastikan kelangsungan bekalan sentiasa dibuat oleh Jabatan dan Agensi di bawah MAFI," jelas beliau.

Dengan pengoperasian 797 outlet pemasaran ini melalui Program Jualan Semarak Syawal pada kali ini, seramai 15,391 orang usahawan akan mendapat manfaat melalui penyediaan ruang ruang jualan dan program promosi khas Syawal.

Menurut Dr Ronald, nilai jualan di outlet pemasaran yang disediakan ini disasarkan akan mencecah sehingga RM25 juta manakala nilai jualan MNS dijangka akan mencapai sebanyak RM1 juta sepanjang jualan semarak syawal iaitu 24 April 2022 hingga 2 Mei 2022.



Untuk rekod, MNS adalah projek usahasama antara FAMA dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Perumahan Sarawak. Projek ini menyediakan sebuah pasar yang berkonsep moden, bersih, teratur dan lengkap dengan sistem pengurusan sisa buangan yang terkini yang dibina bertujuan menggantikan Pasar Satok di lokasi Jalan Satok yang makin usang dan tidak lagi sesuai berikutan masalah saliran, persekitaran yang kotor dan kesesakan lalu lintas.

Projek ini telah menyediakan 995 lot bagi semua komponen utama dengan jumlah peserta seramai 947 orang merangkumi Blok Kekal, Pasar Minggu, Pasar Borong dan Benteng Satok. Ianya beroperasi setiap hari dan beroperasi sepanjang tahun 2021 dengan mencatat nilai jualan sebanyak RM48 juta.

Kerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri akan berterusan bagi memastikan MNS akan terus memainkan peranan yang penting dalam pemasaran produk agromakanan di Sarawak.

MAFI akan terus bekerjasama dengan Kementerian dan Agensi penguatkuasa yang lain bukan sahaja bagi memastikan bekalan mencukupi, malah harga yang dijual berpatutan. Setiap usahawan di outlet pemasaran FAMA hendaklah mematuhi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2022 yang telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

FAMA juga akan memastikan pematuhan SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengekang penularan COVID-19.

Program Jualan Semarak Syawal juga akan diadakan pada 30 April 2022 di Pasar Tani Datin Halimah, Johor Baharu yang dijangka akan mendapat kunjungan lebih 2,000 orang termasuk warga Singapura bagi mendapatkan barangan keperluan Aidilfitri. Program ini dilihat sebagai salah satu kaedah bagi merancakkan kembali ekonomi domestik dengan peningkatan permintaan pengguna.

Selaras dengan peralihan negara ke fasa endemik dan bagi mengekang penularan pandemik Covid-19, FAMA juga menggalakkan para pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan Aidilfitri di portal Agrobazaar Online (ABO). Terdapat lebih 390 *Stock Keeping Unit* (SKU) di ABO untuk memenuhi keperluan sambutan perayaan Aidilfitri rakyat Malaysia dengan penyertaan seramai 104 usahawan yang akan memberi penjimatan sehingga 16% bagi pembelian barangan kombo Agromas.

FAMA menyasarkan nilai jualan sebanyak RM2.9 juta di sepanjang program Jualan Semarak Syawal melalui portal ABO. Para pengguna boleh membuat pra pesanan di portal Agrobazaar Online dan mengambil pesanan yang yang telah ditempah di 31 lokasi *pickup point* seluruh negara. Untuk makluman lanjut, boleh layari portal Agrobazaar Online atau www.agrobazaar.com.my.

Pada majlis sama, Dr Ronald juga turut menyampaikan sumbangan MAFI Prihatin kepada 50 orang golongan asnaf dan mengagihkan bubur lambuk kepada para pengunjung. Pihak Agrobank turut bersama menghulurkan sumbangan berupa zakat manakala Persatuan Nelayan Negeri Sarawak (PANESA) menyumbang 500kg beras. Jualan *happy hour* bagi komoditi telur ayam dan biskut raya serta promosi jualan di portal ABO juga telah diadakan.

Turut hadir ke program ini, YB Encik Maclaine @ Martin Ben, Timbalan Menteri Pemodenan Pertanian Dan Pembangunan Wilayah (Pembangunan Wilayah) Sarawak, YBhg. Dato'

Haslina Binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI dan YBhg. Dato' Zainal Abidin Bin Yang Razalli, Ketua Pengarah FAMA.

他重申，要在砂拉越古晋更好推广书
需要多展开这方面的活动或课程，以让书法
继承流传。

陈日枝也是此次古晋中华文化艺术促
会主办初识华文书法课程赞助人。



◀罗纳建迪（前左二）为联邦农业销
全国光辉的伊斯兰历10月主持开幕礼。

# 聯邦農銷局尋求擴大職
# 從農耕跨足家禽

日讯）大马农业及食品工
里罗纳建迪透露，当局将
会议，寻求批准让联邦农
（MA）扩大职能范围，不
种植农作物，如蔬菜产品
负责家禽产品。

## 家禽市场宣传

指出，目前没有特定机构
禽市场宣传，如果透过这
，联邦农业销售局就可以
如稳定供应链，确保符合

部门将在来临的国会会
，而目前，当局已备有拟
正，以期在国会内寻求通

今早出席在砂督小贩中
业销售局所举办的全国光
月（Semarak Syawal）主
召开新闻发布会时说，此
就开始举办，但由于疫情
动暂时停止，如今又再重

全国光辉伊斯兰历10月活
至5月2日进行，主要是售
，为开斋节来临之前做好

小贩一个可以售卖开斋节
希望活动能够顺利进行。
可以透过上网购物，尤其
间有促销活动。

## 鸡肉蔬菜佳节供应足

罗纳建迪强调，目前市场上的鸡肉、蔬菜等都足够应对来临的开斋节，而农业及食品工业部（MAFI）也会时时刻刻确保食材充足，以满足全国人民。

他补充，在此活动之下，农业及食品工业部将透过联邦农业销售局在全国设立797个营销点，而砂督小贩中心是其中一个。其余地方包括农贸市场、永久农贸市场、乡区转型中心、人民农产品市集、农产品市集人民商店及农场市集。

他指出，人民除了可以在上述地点购买到新鲜肉类和蔬菜外，也可以购买到与开斋节有关的产品，包括方形糯米粽、仁当、竹筒饭以及各种各样的马来糕点等。

罗纳建迪表示，全国
10月活动总共获得1万539
与，相信在短短一星期内
下2500万令吉的销售量；
心至少可以创下100万令吉

“砂督小贩中心是联
局和砂政府透过砂房屋部
目，该项目准备一个现代
序和完整概念的废物管理
之前的砂督市集。”

此外，罗纳建迪也分
品予弱势群体，以及分发
众。陪同出席者，包括砂
区域发展部副部长（区域
册、农业及食品工业部秘
丝娜、联邦农业销售局局
副局长拉西巴哈利。



大马农业及食品工业部长罗纳建迪（中）召开新闻发布会，左
销售局局长再纳及砂农业现代化及区域发展部副部长（区域发展）
为联邦农业销售局副局长拉西巴哈利及农业及食品工业部秘书长哈

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/4/2022 | NST | NEWS IN BRIEF | 16 |

# 2,000 flu-infected pigs missing from Negri farms

**SEREMBAN:** All pigs housed in 19 unlicensed farms in Kampung Baru Site A, Tanah Merah, Lukut, Port Dickson, near here, were believed to have been taken out of the farms without the knowledge of the authorities, said Negri Sembilan Agriculture and Agro-based Industry Action Committee chairman Datuk Bakri Sawir. He said 2,000 pigs located near the farms were infected with the African Swine Flu (ASF) before they were taken out by the farm owners to unknown locations. "On April 13, 273 pigs infected with ASF were culled. Several days later, the Negri Sembilan Veterinary Services Department conducted checks on 19 farms but found the pigs missing." He said investigations were ongoing and action would be taken against those involved. **Bernama**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/4/2022 | NST | NEWS IN BRIEF | 16 |

# 12 held, 2 foreign fishing boats seized in Kelantan

**PASIR PUTEH:** The Kelantan Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) seized two foreign vessels for encroaching and carrying out illegal fishing in Kelantan waters here recently. Kelantan MMEA director Captain Syed Nor Adli Ab Rahman said during the operation, 12 crew members, including two skippers, were detained separately off Tok Bali on Friday. "The first vessel with 10 crew members was detained at 12.30am: The other vessel was seized at 1.10am off the same beach." None of the crew members had identification documents. He said 500kg of fish, 1,000 litres of diesel, vessels, as well their fishing equipment, valued at RM2 million, were seized. He said the crew members, who were all from Vietnam and aged between 30 and 62, were being held for further action.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/4/2022 | KOSMO | NEGARA | 4 |

# Op Pagar laut pantau penyeludup, nelayan asing ceroboh Kelantan

**PASIR PUTEH** – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan telah menggerakkan Operasi Khas Pagar Laut (Op Pagar Laut) dalam usaha untuk terus memantau perairan negeri ini sepanjang musim perayaan.

Pengarah APMM Kelantan, Kepten Maritim Syed Nor Adli Syed Ab. Rahman berkata, operasi bermula 14 April lalu dan ia akan diteruskan sehingga minggu kedua sambutan Hari Raya Aidilfitri bulan depan.

Menurutnya, fokus utama Op Pagar Laut adalah untuk memastikan tiada pencerobohan nelayan asing di sekitar pelantar minyak, penyeludupan senjata api, dadah dan pemerdagangan manusia sepanjang tempoh tersebut.

"Berdasarkan pengalaman terdahulu, musim perayaan digunakan oleh golongan penyeludup dan nelayan asing untuk melakukan kegiatan haram mereka di negara ini.

"Kira-kira 70 peratus daripada jumlah 160 pegawai dan anggota APMM di Tok Bali dan Tumpat akan mengendalikan sebuah kapal selain tiga buah bot peronda yang akan membuat rondaan setiap masa," katanya selepas melancarkan Ops Pagar Laut di Ibu Pejabat APMM, Tok Bali di sini semalam.

Dalam pada itu, Syed Nor Adli berkata, anggota APMM akan meninjau pantai peranginan utama menerusi jalan darat terutama di Pantai Sri Tujuh di Tumpat), Pantai Cahaya Bulan (Kota Bharu), Pantai Irama (Bachok), Pantai Bisikan Bayu dan Tok Bali (Pasir Puteh).

AUTHOR: No author available SECTION: NATIONAL PAGE: A7 PRINTED SIZE: 589.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 7,409.00 ITEM ID: MY0048030495



26 APR, 2022

# Malaysia should restart the agriculture button

Nanyang Siang Pau, Malaysia



## 大马应重启农业按钮

[illegible]




中总社会经济研究中心执行董事

[illegible]



### 粮食供应不足

[illegible]

## 6招改善本地农耕

[illegible]

免责声明：所有评论为作者的个人意见，不代表本报立场。

AUTHOR: No author available SECTION: NATIONAL PAGE: A7 PRINTED SIZE: 589.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 7,409.00 ITEM ID: MY0048030495



26 APR, 2022

# Malaysia should restart the agriculture button

Nanyang Siang Pau, Malaysia



## SUMMARIES

大马应重启农业按钮 大马需要重新思考、更新和重新构想农业领域的发展，特别是农业食品， 以减轻食品价格不断上涨的影响，并减少不断增加的进口食品费用。2017至2021年期间， 大马家庭每年在食品和饮料进口方面的支出高达约337亿令吉。2021年， 消费和工业使用的食品与饮料进口总额分别超过385亿令吉和310亿令吉。要永续地养活不断增长的人口，
不仅是有赖

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/4/2022 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

Campur tangan ahli politik punca pengusaha ayam bermaharajalela

# Kartel ayam dilindungi

Oleh FAHMI FAIZ dan MUHAMMAD ZIKRI
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Campur tangan politik sejak sekian lama dalam isu membabitkan dominasi kartel terhadap industri penternakan ayam di seluruh negara menyebabkan pihak terbabit terus bermaharajalela.

Malah *Utusan Malaysia* difahamkan, kegagalan menubuhkan lembaga khas bagi mengawal industri ternakan ayam juga dikaitkan dengan campur tangan ahli politik.

Tanpa mendedahkan nama, sumber memberitahu, sepatutnya selepas pendedahan demi pendedahan terhadap isu kartel ayam, Malaysia sepatutnya sudah menubuhkan lembaga khas bagi mengawal industri dan menstabilkan harga di pasaran.

"Sudah berpuluh tahun, kerajaan masih gagal tubuhkan sebarang lembaga untuk kawal industri ayam, sebab banyak juga isu politik dalam perkara berkaitan," katanya di sini, semalam.

Semalam *Utusan Malaysia* mendedahkan bahawa kartel tu-rut menguasai pasaran harian berjumlah 1.5 juta ekor ayam, iaitu 70 peratus daripada keseluruhan 2.2 juta ekor ternakan itu yang dijual di seluruh negara setiap hari.

**Bersambung di muka 2**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/4/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

# Kartel ayam dilindungi

Dari muka 1

Sementara itu, pemilik ladang kontrak atau integrator menafikan mengaut keuntungan berlebihan daripada penternak ayam di bawahnya. Sebaliknya mereka juga berhadapan dengan kerugian disebabkan kos makanan iaitu dedak dan anak ayam.

Pemilik salah sebuah ladang terbesar di negeri ini yang enggan namanya disiarkan berkata, penternak tidak memikirkan soal kenaikan harga dedak atau anak ayam tetapi integrator yang bertanggungjawab dalam hal itu.

Sejak 7 April lalu, akhbar ini melaporkan kewujudan lima kartel yang berselindung di sebalik sebuah persatuan penternak yang mengawal hampir keseluruhan rantaian industri ayam negara sejak puluhan tahun lalu yang bernilai RM10 bilion setahun.

Malah, semalam akhbar ini mendedahkan bahawa kartel turut menguasai pasaran harian berjumlah 1.5 juta ekor ayam, iaitu 70 peratus daripada keseluruhan 2.2 juta ekor haiwan itu yang dijual di seluruh negara pada setiap hari.

*Utusan Malaysia* juga difahamkan kartel bukan sahaja mengawal harga dan bekalan anak ayam kepada penternak, malah turut menguasai pasaran ayam ke seluruh negara setiap hari.

"Harga anak ayam pembakaan tak dikawal kerajaan, kerana yang mengawalnya ialah sebuah persatuan penternakan. Kenapa jabatan tak boleh kawal harga? Sebab dari segi akta, kerajaan tiada kuasa.

> **"Terdapat empat kartel yang menentukan segala sektor bekalan dan pasaran ayam ke seluruh negara..."**
>
> **SUMBER**

"Maknanya, secara automatik (kawalan) tertakluk di bawah persatuan. Malah harga ayam di ladang itu pun tak dikawal sebenarnya," kata sumber.

Mengulas lanjut, sumber berkata, terdapat empat kartel yang menentukan segala sektor bekalan dan pasaran ayam ke seluruh negara serta mendesak lebih banyak pendedahan dibuat demi melindungi kepentingan rakyat.

"Untuk menentukan harga anak serta bekalan anak ayam kepada penternak, malah harga serta bekalan ayam matang ke pasaran, empat kartel itulah yang kawal," katanya.

Mengulas isu sama, pemilik ladang berkata, selain sebagai pengilang dan pemborong, pihaknya juga mempunyai 65 ladang kontrak di sekitar Johor Bahru dengan kos permulaan bagi setiap ladang dianggarkan RM1 juta.

"Kos itu berdasarkan kepada harga anak ayam seekor RM2.50 dan dedak yang kini berharga RM270 setiap beg dengan anggaran 70 beg diperlukan untuk ternakan melibatkan 7,000 ekor ayam.

"Untuk pembelian anak ayam sebanyak 100,000 ekor, *integrator* seperti saya akan membelanjakan sebanyak RM250,000 dan makanan (dedak) pula sebanyak RM889,000," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau menambah, dakwaan pemilik ladang kontrak sebagai kartel adalah cukup berat seolah-olah mereka tidak langsung memikirkan soal pengguna atau rakyat yang memerlukan makanan segar tersebut setiap hari.

"Mereka (penternak) tidak memikirkan soal kerugian kami apabila anak ayam mati dengan anggaran 10 peratus daripada 100,000 ekor yang bersamaan RM25,000. Begitu juga apabila ayam mati pada usia 20 hari. Malah, sebelum ini anak ayam diperoleh pada harga RM1.20 atau RM1 seekor dan pernah 90 sen, jauh beza dengan harga kini," jelasnya.

Malah katanya, bagi membantu penternak memulakan usaha mereka, pihaknya turut mengeluarkan jutaan ringgit sebagai kos permulaan, namun mereka terus diberi tekanan oleh kerajaan apabila harga siling ayam ditetapkan RM8.90 sekilogram lebih rendah daripada harga di Thailand dan Indonesia sekitar RM11 hingga RM12 sekilogram.

"Jika ingin membantu rakyat, kerajaan perlu memperkenalkan baucar khas bagi mereka yang dikategorikan sebagai golongan B40 dan miskin," katanya.